



26 NOV, 2025

UniMAP penuhi keperluan negara

Sinar Harian, Malaysia



UniMAP penuhi keperluan negara

Dalam mendepani perubahan pesat teknologi global, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) memperkukuh peranannya sebagai institusi beraspirasi melahirkan graduan yang bukan sahaja bijak, mahir teknologi, berprinsip, beradab tetapi bersedia menghadapi cabaran dan mencipta masa depan. Sempena konvokesyen ke-20, universiti itu sekali lagi membuktikan komitmen dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang akademik tetapi berketerampilan, beradab dan bersedia menyumbang kepada agenda besar negara seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

Ikuti wawancara Wartawan **Sinar Harian**, **WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR** bersama Naib Canselor UniMAP, Datuk Profesor Ts Dr Zaliman Sauli yang berkongsi aspirasi dan pencapaian universiti itu dalam melahirkan bakat masa depan.

SINAR HARIAN: UniMAP sering menekankan konsep kemenjadian mahasiswa. Bagaimana ia diterjemahkan dalam sistem pembelajaran dan budaya kampus di UniMAP?

ZALIMAN: Konsep kemenjadian mahasiswa di UniMAP dibina selari kerangka Malaysia Madani yang diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Kerangka itu menjadi asas kepada agenda transformasi pendidikan tinggi yang memberi penekanan kepada pengalaman pembelajaran lebih relevan, anjal dan responsif terhadap perubahan pesat dunia semasa.

Di sini, penekanan diterjemahkan melalui tujuh teras utama merangkumi penyediaan kampus yang kondusif, selamat dan lestari, pemerkasaan pembangunan mahasiswa, pengukuhan jaringan industri serta antarabangsa dan penyediaan ruang pembelajaran yang menyokong kesejahteraan pelajar.

Pendedahan global juga elemen penting melalui program mobiliti ke lebih 26 negara, latihan industri bertaraf antarabangsa, jaringan AUN, Asia Summer Program, IMT-GT serta program dwijijazah bersama universiti luar negara.

Mahasiswa turut digilap dari aspek kepimpinan, inovasi dan kesukarelawan melalui program SUKA Perlis, Bakti Madani dan pelbagai platform pembangunan holistik. Sokongan kebajikan merangkumi bantuan kewangan, kesihatan mental, mentoring akademik dan skim kecemasan bagi memastikan pem-

angunan pelajar seimbang. Dalam melahirkan graduan tersohor, apa elemen utama menjadi tumpuan UniMAP. Adakah kecemerlangan akademik, pembentukan sahsiah atau keseimbangan antara kedua-duanya?

UniMAP beri penekanan kepada keseimbangan yang jelas antara kecemerlangan akademik dan sahsiah. Pendekatan itu seiring aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi dalam melahirkan bakat dengan konsep *Excellence with a Soul*.

Menjelang konvokesyen ke-20, seramai 3,568 graduan menamatkan pengajian merangkumi pelbagai peringkat, daripada doktor falsafah hingga program diploma dan profesional. Daripada jumlah itu, 90 peratus graduan Program Teknologi, Perniagaan dan Media Baharu berjaya memperoleh PNGK melebihi 3.0, manakala lebih 60 peratus siswazah Program Kejuruteraan, Teknologi Kejuruteraan dan Diploma turut mencapai PNGK 3.0 ke atas. Pencapaian ini jelas mencerminkan kekuatan akademik UniMAP yang konsisten merentasi semua program pengajian.

Namun, kecemerlangan tidak hanya dinilai melalui peperiksaan. Pelajar disaran menyumbang kepada masyarakat melalui projek inovasi sosial dan komuniti seperti UniMAP4Society, projek penanaman cendawan tiram untuk B40, madu kelulut serta program pembangunan ekonomi keluarga tentera bersama

Angkatan Tentera Malaysia.

Pelaksanaan 7 Pillars Mahasiswa UniMAP yang menekankan kepimpinan, integriti, inovasi, keusahawanan, patriotisme, kesukarelawan dan kesejahteraan menjadi nadi pembentukan sahsiah. Latihan melalui PALAPES, SISPA, SUKSIS serta penyertaan dalam pertandingan inovasi antarabangsa turut mengasah karakter pelajar.

Peranan pensyarah sangat penting dalam membentuk mahasiswa berdaya saing. Bagaimana UniMAP memperkukuh tenaga akademik?

Kita memperkasa tenaga akademik melalui pemantapan kepakaran, penyelidikan dan hubungan industri. Pensyarah menjalani penempatan industri di syarikat seperti Western Digital, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Silterra dan Intel bagi memastikan mereka terus relevan dengan perkembangan teknologi.

Mereka juga didorong memperoleh pensijilan profesional dalam bidang kecerdasan buatan (AI), keselamatan siber, reka bentuk IC dan platform digital. Kolaborasi penyelidikan turut diperkukuh melalui makmal satelit, *matching grant* dan projek teknologi baharu.

Prestasi penyelidikan UniMAP menyerlah apabila tujuh penyelidik disenarai sebagai World's Top 2 Percent Scientists, selain kejayaan antarabangsa seperti Double Gold Award di London yang diraih Dr Norazian Mohamed Noor.

Dalam konteks keperluan negara dipacu teknologi tinggi dan aspirasi NIMP 2030, bagaimana UniMAP memanfaatkan kolaborasi industri?

Lebih 65 peratus graduan UniMAP menyumbang ekosistem elektrik dan elektronik (E&E) negara, sekali gus membuktikan peranan universiti sebagai penggerak utama pembangunan bakat teknologi.

Selain itu, lebih 387 MoU dan MoA aktif serta lebih 1,000 projek penyelidikan bersama industri telah dijalankan melibatkan syarikat seperti AT&S, Infineon, Silterra,

Micron, Keysight dan Oppstar.

Kurikulum di UniMAP juga dibangunkan bersama industri melalui Industrial Advisory Panel, manakala Projek Tahun Akhir dan Capstone Project dilaksanakan secara langsung bersama syarikat teknologi.

Pelajar turut mengikuti latihan industri di dalam dan luar negara, termasuk di Japanese Superior, Turkish Aerospace serta syarikat semikonduktor antarabangsa. UniMAP juga memiliki 12 makmal industri bersama Siemens, Huawei dan Keysight yang membantu pelajar memperoleh pensijilan profesional sebelum bergraduasi.

Hasilnya, UniMAP mencatat kadar kebolehpasaran graduan 98.9 peratus dan menerima pengiktirafan Top MNC Preferred Graduate Award. Malah, 40 peratus pereka cip IC di Oppstar adalah alumni UniMAP.

Boleh Datuk kongsi kisah kejayaan graduan UniMAP yang mampu menjadi inspirasi kepada pelajar lain?

Kisah Noor Fatini Aina, pelajar orang kurang upaya (OKU) pertuturan yang berkomunikasi sepenuhnya melalui penulisan boleh dijadikan inspirasi. Beliau menjadi pemimpin pelajar serta konsisten menerima Anugerah Dekan setiap semester.

Kisah lain adalah mengenai kecekal-an dan ketabahan Leiftenan Leong Kong Yik, yang walaupun didiagnosis kanser tulang pada April 2024, tetap bersemangat meneruskan perjuangan akademik sehingga bergraduasi dalam Istiadat Konvokesyen 20 UniMAP.

Tidak ketinggalan kisah anak muda iaitu Nurin Husna Ahmad Baharudin, siswazah Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan, yang turut menjadi sumber inspirasi kerana ketabahan beliau menangani traumanya selepas melalui detik cemas insiden letupan gas dan kebakaran di Putra Heights di mana keseluruhan rumah beliau musnah dalam kejadian tersebut. Berbekalkan ketabahan yang tinggi, beliau telah menamatkan pengajiannya.

Apakah aspirasi UniMAP dalam memastikan setiap graduan menjadi ejen perubahan positif kepada masyarakat, negara dan dunia?

Aspirasi UniMAP adalah melahirkan graduan yang bukan sahaja bijak tetapi berwatak dan beradab. Mereka bukan sekadar mahir teknologi tetapi berprinsip dan bukan sekadar bersedia menghadapi masa depan tetapi mampu mencipta masa depan.

UniMAP komited menyokong agenda RMK13 dan NIMP 2030 dengan melahirkan bakat tersohor dalam sektor strategik negara seperti AI, semikonduktor, automasi dan aeroangkasa. Graduan juga digalakkan menjadi pencipta penyelesaian dan pemangkin transformasi sosial melalui inovasi, penyelidikan dan keusahawanan.



ZALIMAN



Menjelang konvokesyen ke-20, seramai 3,568 graduan menamatkan pengajian pelbagai peringkat.